

Integriti dan Tadbir Urus

- 16 Ahli Lembaga
- 27 Ahli Silih Ganti Lembaga – Wakil Kerajaan
- 28 Panel Pelaburan
- 33 Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Baru Dilantik
- 33 Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Menamatkan Perkhidmatan
- 34 Ahli Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan
- 35 Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah 2015-2017

“ Integriti KWSP sepatutnya tidak mempunyai sebarang kesangsian, agar orang ramai akan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kita. Ahli tidak perlu berasa kluatir kerana KWSP melindungi simpanan ahlinya dengan jujur, cekap dan berkesan. Ini adalah perkara-perkara yang kami cuba terapkan dalam semua inisiatif kami. ”

Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim

Pengerusi, Jawatankuasa Strategi KWSP

AHLI LEMBAGA



DARI KIRI KE KANAN

TAN SRI SUKARTI WAKIMAN
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

PUAN CATHERINE JIKUNAN
*Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
(MTUC Sabah)*

DATUK LOK YIM PHENG
*Setiausaha Agung, Kongres Kesatuan
Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam
(CUEPACS)*

TAN SRI DR. LIM WEE CHAI
Pengerusi Kumpulan Syarikat Top Glove

DATUK MOHD HASNOL AYUB
*Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera
Sabah (DPBS)*

DATUK DR. SUNDARAN ANNAMALAI
*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Polisi),
Kementerian Kewangan*

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN
Pengerusi - KWSP

TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam



DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Ketua Pegawai Eksekutif - KWSP

TAN SRI AZMAN SHAH HARON
Presiden, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)

DATUK ABANG HAJI ABDUL KARIM
TUN ABANG HAJI OPENG
Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak

ENCIK MOHD KHALID ATAN
Presiden, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) (Meninggal dunia 26 Januari 2016)

PUAN HADIAH LEEN
Presiden, Kesatuan Pekerja Bank Sarawak

DATUK THOMAS GEORGE

TUAN HAJI MD JAFAR ABDUL CARRIM

ZAINAL ABIDIN MOHD KASSIM
Pengarah dan Rakan Kongsi Kanan Actuarial Partners Consulting Sdn. Bhd.

TIADA DALAM GAMBAR

DATUK SERI HAJI SARIPUDDIN HAJI KASIM
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia

TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI ABDUL GHANI
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

AHLI LEMBAGA - PENERUSI DAN TIMBALAN PENERUSI



TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

*Pengerusi
(sam@epf.gov.my)*



Tan Sri Samsudin Osman telah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga bermula 1 Februari 2007.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Pada masa ini beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi BIMB Holdings Berhad, Pengerusi KWASA Land Sdn. Bhd., Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pengarah di Sime Darby Berhad. Beliau juga merupakan Pro Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Canselor Kolej Universiti Bestari dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Mahathir Science Award Foundation. Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Awam daripada Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.



DATUK DR. SUNDARAN ANNAMALAI

*Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Polisi), Kementerian Kewangan
(SUNDARAN@epf.gov.my)*



Datuk Dr. Sundaran Annamalai telah dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Julai 2015 mewakili Kerajaan. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Polisi), Kementerian Kewangan.

Datuk Dr. Sundaran pernah menyandang pelbagai jawatan iaitu sebagai Pengarah Eksekutif di World Bank Group dari tahun 2012-2014 dan sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa di Kementerian Kewangan.

Beliau kini merupakan ahli lembaga Pengarah Multimedia Development Corporation, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Timbalan Pengerusi Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN).

Datuk Dr. Sundaran memperoleh PhD daripada International Christian University Tokyo, Jepun dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada *Michigan State University*, Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan pemegang Sarjana Muda Undang-undang daripada *University of London* dan Sarjana Muda Sains Pendidikan (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia.

AHLI LEMBAGA - WAKIL KERAJAAN



TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL

*Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam
(MOHAMAD-ZABIDI@epf.gov.my)*



Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal telah dilantik pada 1 Jun 2013.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Asia Tenggara dan Sarjana Pentadbiran Awam, kedua-duanya daripada Universiti Malaya.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, beliau merupakan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dari 2010-2013; Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dari 2008-2010 dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dari 2007-2008.

Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Akademik/Kurikulum dalam Lembaga Amanah Razak School of Government (RSOG) dan ahli Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.



DATUK SERI HAJI SARIPUDDIN HAJI KASIM

*Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
(SARIPUDDIN-KASIM@epf.gov.my)*



Datuk Seri Haji Saripuddin Haji Kasim telah dilantik pada 1 Mei 2014. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Hartford, Connecticut, Amerika Syarikat.

Beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada 1982 sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan dan Industri. Beliau kemudiannya memegang jawatan di pelbagai kementerian/jabatan termasuk di Kementerian Perusahaan Awam, Institut Tadbiran Awam (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam, Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Suruhanjaya Tinggi Malaysia, London, United Kingdom, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada tahun 2011 dan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia mulai Februari 2014 sehingga sekarang.

Datuk Seri Haji Saripuddin juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Ahli Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Ahli Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan dan Ahli Lembaga Pemuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA).

AHLI LEMBAGA - WAKIL KERAJAAN



**TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI
ABDUL GHANI**

*Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
(MOHAMAD-MORSHIDI@epf.gov.my)*

Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani dilantik pada 2 Ogos 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pengurusan Statistik) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dan Sarjana dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia daripada University of Scranton, Pennsylvania, Amerika Syarikat. Beliau juga telah menghadiri kursus Senior Executive Fellows di Harvard University, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan karier sebagai Eksekutif Pengurusan bersama Petronas pada 1980 sebelum menyertai Perkhidmatan Awam Sarawak pada 1988 sebagai Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU). Beliau mempunyai 26 tahun pengalaman di pelbagai agensi Kerajaan negeri termasuk di Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi. Antara 2006 dan 2009, beliau merupakan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Perancangan & Pembangunan) dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran, Keselamatan dan Hal Ehwal Korporat). Sejak Ogos 2009, beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Beliau juga Pengerusi dan Ahli Lembaga di UNIMAS, Swinburne University, Malaysian Airlines Berhad (MAB), Sarawak Economy Development Corporation (SEDC) dan Bintulu Port Holding serta beberapa agensi Kerajaan dan NGO.

Beliau dianugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong selain daripada pelbagai anugerah Kerajaan Negeri yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.



TAN SRI SUKARTI WAKIMAN

*Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
(SUKARTI-WAKIMAN@epf.gov.my)*

Tan Sri Sukarti Wakiman ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah yang telah dilantik pada 1 Jun 2001. Beliau berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi daripada Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

AHLI LEMBAGA - WAKIL MAJIKAN



TAN SRI AZMAN SHAH HARON

*Presiden, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)
(AZMAN-SHAH@epf.gov.my)*



Tan Sri Azman Shah Haron merupakan Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Beliau telah dilantik pada 1 Jun 2007. Beliau berkelulusan *Diploma in General Hotel Management* daripada *Holiday Inn University, Amerika Syarikat*.

Beliau juga menjadi Ahli Lembaga dalam pelbagai syarikat di dalam dan luar negara antaranya Alangka-Suka Hotel dan Resorts Berhad yang beroperasi di 33 hotel dan resort Holiday Villa di Asia, Timur Tengah, Afrika dan Eropah.

Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi Consultative Panel for Hospitality Industry di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); Ahli Lembaga Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); Ahli Lembaga dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA); Ahli Silih Ganti *Asia Pacific Economic Corporation (APEC)/ Business Advisory Council (ABAC)* Malaysia; Bendahari Rumah Bakti Dato' Harun Idris, Ulu Kelang, Selangor; Ahli PEMUDAH Malaysia (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan) dan juga Pengerusi Bersama *Working Group Efficiency Issues (WGEI)* dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.

Beliau juga merupakan bekas Presiden bagi *International Organization of Employers (IOE)*.

Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi *Confederation of Asia Pacific Employers (CAPE)*, Pengerusi *Asean Confederation of Employers (ACE)*, Ahli Substantif *National Labour Advisory Council (NLAC)*, Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Kementerian Sumber Manusia, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).



TAN SRI DR. LIM WEE CHAI

*Pengerusi Kumpulan Syarikat Top Glove
(LIMWEECHAI@epf.gov.my)*



Tan Sri Dr. Lim Wee Chai telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Julai 2015. Beliau merupakan pengasas dan Pengerusi Kumpulan Syarikat Top Glove, yang ditubuhkan pada 1991 dan merupakan syarikat pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia pada 2008.

Tan Sri Dr. Lim telah menyandang pelbagai jawatan penting termasuk sebagai Pengarah (Ahli Lembaga) Universiti Malaya dari 2015 hingga 2018. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) sejak 2013 dan Ahli Majlis, Majlis Perniagaan Asia Timur (EABC) sejak 2011. Selain itu, beliau turut merupakan Presiden Kehormat Dewan Perniagaan Malaysia-China dan Penasihat Kehormat Dewan Perniagaan Cina Klang. Beliau juga telah memegang pelbagai jawatan sebelum ini termasuk sebagai Presiden Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) dari 1997-1999, Naib Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari MARGMA, Pengarah Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI) dan Ahli Lembaga Lembaga Getah Malaysia dari 1998-1999.

Tan Sri Dr. Lim berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Fizik daripada Universiti Malaya pada 1982 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada *Sul Ross State University, Texas, Amerika Syarikat* pada 1985. Pada 2015, beliau dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan daripada Universiti Selangor, Malaysia.

AHLI LEMBAGA - WAKIL MAJIKAN



DATUK MOHD HASNOL AYUB

*Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS)
(MOHD-HASNOL@epf.gov.my)*



Datuk Mohd Hasnol Ayub telah dilantik pada 1 Jun 2009. Beliau berkelulusan Sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan daripada University of Wales Cardiff, United Kingdom.

Selain bertugas sebagai Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS), beliau juga adalah Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS).



**DATUK ABANG HAJI ABDUL KARIM TUN
ABANG HAJI OPENG**

*Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak (SCCI)
(ABDUL-KARIM@epf.gov.my)*



Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Abang Haji Openg telah dilantik pada 13 Julai 2013.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya, dan Sarjana Pengurusan dari Asian Institute of Management, Filipina.

Datuk Abang Haji Abdul Karim telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Ta Ann Holdings Berhad sejak 2 Oktober 1999 dan Pengerusi Brooke Dockyard and Engineering Works Corporation.

Beliau telah menyandang pelbagai jawatan awam termasuk sebagai Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak (SCCI), ahli jawatankuasa umum mewakili Sarawak di Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI) dan Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH) Sarawak. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Sarawak Convention Bureau (SCB), Ahli Lembaga Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Permodalan Satok Berhad, Amanah Saham Sarawak Berhad (ASSAR) dan ahli Lembaga Baitulmal dan Wakaf Sarawak. Beliau turut merupakan Pengarah Pengasas BIMP-EAGA Business Council (BEBC) dan Pengerusi Pertama BIMP-EAGA Malaysian Business Council (BEMBC) Sarawak.

AHLI LEMBAGA - WAKIL PEKERJA



ENCIK MOHD KHALID ATAN

*Presiden, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
(MOHD-KHALID@epf.gov.my)*

Encik Mohd Khalid Atan dilantik pada 1 Jun 2011 sebagai wakil pekerja. Beliau merupakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk tempoh 2014 hingga 2016. Sebelum dilantik sebagai Presiden, beliau memegang jawatan Timbalan Presiden di MTUC. Selain itu, beliau juga memegang jawatan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Semenanjung Malaysia.

*KWSP ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Encik Mohd Khalid Atan yang telah meninggal dunia pada 26 Januari 2016.



DATUK LOK YIM PHENG

*Setiausaha Agung, Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja
Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)
(lokyimpheng@epf.gov.my)*

Datuk Lok Yim Pheng dilantik pada 1 Jun 2011. Beliau merupakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) penggal 2013-2016 dan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP).

Beliau berkelulusan ijazah Pengurusan dan pernah berkhidmat sebagai Guru Penolong Kanan dan Guru Besar sebelum dipinjamkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam pada masa kini. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan dipilih sebagai Ahli Lembaga dalam Education International peringkat dunia. Kini beliau merupakan salah seorang ahli jawatankuasa untuk mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) bagi menghalang kebocoran soalan dalam peperiksaan awam.

AHLI LEMBAGA - WAKIL PEKERJA



PUAN CATHERINE JIKUNAN

*Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC Sabah)
(CATHERINE-JIKUNAN@epf.gov.my)*



Puan Catherine Jikunan telah dilantik pada 1 Jun 2013. Beliau berkelulusan Diploma dalam Perbankan pada 1998 dan Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dengan Kepujian pada 2002, kedua-duanya daripada Universiti Teknologi Mara. Beliau turut memiliki Masters in Labour Policies and Globalisation daripada University of Kassel and Berlin School of Economy, Jerman, pada 2008. Beliau pernah berkhidmat di Bank Bumiputera (M) Sdn. Bhd. dalam Perkhidmatan Pelanggan dari 1985-1999, dan merupakan pegawai di CIMB Bank Berhad semenjak 1999.

Beliau juga merupakan ahli Lembaga mewakili pekerja di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak 2009 dan ahli Lembaga Jemaah Rayuan dari 2005. Beliau turut mewakili pekerja Sabah dalam Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) sejak 2010 dan Panel Mahkamah Perusahaan Sabah dari 2005 hingga kini. Beliau merupakan Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Sabah; Timbalan Bendahari, Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan dan Naib Presiden Union Network International Asia Pacific.



PUAN HADIAH LEEN

*Presiden, Kesatuan Pekerja Bank Sarawak
(HADIAH-LEEN@epf.gov.my)*



Puan Hadiah Leen telah dilantik pada 1 Februari 2012. Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Perniagaan daripada Institute of Professional and Managerial Administration, Kolej Putra, Kuala Lumpur. Diploma in International Labour Standards, Fundamental Principles and Rights at Work daripada the ILO Centre Turin, Italy, dan Sijil Pengurusan Kakitangan daripada Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia. Beliau menyertai Program Pengarah Wanita Malaysia bersama NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) pada 2013.

Beliau adalah kakitangan Hong Leong Bank Berhad, Cawangan Satok, Kuching. Beliau aktif dalam aktiviti kesatuan sekerja. Sejak 2001, beliau merupakan Presiden Kesatuan Pekerja Bank Sarawak, Ketua Wanita, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Bahagian Sarawak. Beliau menjadi ahli Eksekutif Lembaga UNI-Apro Region pada 2005 serta ahli mewakili panel pekerja dalam Mahkamah Perusahaan pada 2010. Beliau juga merupakan ahli International Society for Labour and Social Security Law, Malaysia.

AHLI LEMBAGA - WAKIL PROFESIONAL



DATUK THOMAS GEORGE

(THOMAS-GEORGE@epf.gov.my)



Datuk Thomas George telah dilantik pada 1 Jun 2013. Beliau berkelulusan dalam Sarjana Pentadbiran Awam daripada George Washington University, Amerika Syarikat.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah dan kemudiannya sebagai Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, dan Penyelaras Projek Kanan, Pengurusan Pembangunan dan Program Kualiti, Institut Tadbiran Awam Negara.

Datuk Thomas George juga pernah menyandang jawatan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia dari 27 Mei 2006 sehingga 21 April 2009 dan Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya dari 22 April 2009 sehingga beliau bersara.



TUAN HAJI MD JAFAR ABDUL CARRIM

(MD-JAFAR@epf.gov.my)



Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim telah dilantik untuk kali kedua pada 1 Jun 2013. Beliau sebelum ini merupakan ahli Lembaga mewakili profesional dari 1 Julai 2001 sehingga 31 Mei 2007. Beliau memiliki, Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam daripada Loughborough University of Technology, United Kingdom, dan merupakan ahli Majlis Kerusi Perlindungan Kewangan Warga Tua, KWSP, di Universiti Malaya.

Beliau merupakan ahli Institut Jurutera Malaysia dan Jurutera Profesional dalam Lembaga Jurutera Malaysia sehingga 2006.

Tuan Haji Md Jafar kini merupakan Pengarah di Kumpulan RHB Bank. Beliau pernah menyandang jawatan Pengarah di Kumpulan Sime Darby termasuk Pengerusi dan Pengarah di beberapa syarikat tersenarai awam dan swasta.

Tuan Haji Md Jafar merupakan bekas Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan salah seorang Lembaga Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Beliau juga adalah ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan ahli Jawatankuasa Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), National Health Financing Mechanism Technical, National Budget Focus Group on Developing a First-Class Mindset dan Lembaga Pembangunan Kurikulum untuk Politeknik dan Kolej Komuniti.

Beliau memulakan kerjaya sebagai jurutera perkhidmatan awam dan kemudian sebagai Penolong Pengarah (Bangunan) Jabatan Kerja Raya di Perak sebelum menyertai Sime Darby pada 1984. Beliau menyandang pelbagai jawatan di Sime Darby dan merupakan Pengarah Bahagian Produk dan Perkhidmatan Bersekutu sebelum meneruskan kerjaya beliau terkini sebagai Perunding Pengurusan. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Kaypi Technologies Sdn. Bhd. selama dua tahun dari 2006 hingga 2008.

AHLI LEMBAGA - WAKIL PROFESIONAL DAN EX-OFFICIO



ZAINAL ABIDIN MOHD KASSIM

*Pengarah dan Rakan Kongsi Kanan Actuarial Partners Consulting Sdn. Bhd.
(zainal-abidin@epf.gov.my)*



Zainal Abidin Kassim telah dilantik sebagai ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional pada 1 Jun 2015. Beliau kini merupakan Pengarah dan Rakan Kongsi Kanan Actuarial Partners Consulting Sdn. Bhd. (dulunya dikenali sebagai *Mercer Zainal Consulting Berhad*).

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Presiden Persatuan Aktuari Malaysia, sejak 1987-1988, dan pernah berkhidmat di *Prudential Assurance, United Kingdom*. Beliau juga merupakan Fellow Presiden Persatuan Aktuari Malaysia dan Associate of the *Actuarial Society, Amerika Syarikat*.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Sains Aktuari) daripada *City University, London*, pada 1978 dan Fellow *Institute of Actuaries* pada 1986.



DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

*Ketua Pegawai Eksekutif - KWSP
(srr@epf.gov.my)*



Datuk Shahril Ridza Ridzuan, 45, dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 16 April 2013. Beliau sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP sejak 1 Disember 2009.

Beliau berkelulusan Sarjana Sastera (Kelas Pertama) daripada Cambridge University dan Sarjana Muda Undang-Undang Sivil (Kelas Pertama) daripada Oxford University dan telah dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan Bar of England and Wales.

Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Pengarah Urusan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab dalam membangunkan KL Sentral sebagai salah sebuah pusat perdagangan utama di Malaysia. Kejayaannya di MRCB telah melayakkan beliau dianugerahkan Property CEO of The Year oleh Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) cawangan Malaysia pada tahun 2009. Beliau pernah berkhidmat dengan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan terlibat dalam pemulihan korporat dan penstrukturan semula kredit berikutan krisis kewangan Asia pada 1997.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Media Prima Berhad, Malaysia Building Society Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Malaysian Resources Corporation Berhad.

AHLI SILIH GANTI LEMBAGA - WAKIL KERAJAAN



DATUK AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
(1.5.2014 – 31.5.2017)

Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik,
Kementerian Kewangan



DATU HAJI MISNU HAJI TAHA
(1.6.2013 – 31.5.2017)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
(Pentadbiran, Keselamatan dan Hal Ehwal Korporat)



DATO' MOHTAR B. MOHD ABD RAHMAN
(1.6.2013 – 31.5.2017)

Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Perkhidmatan Awam



DATUK HAJI NORDIN SIMAN
(1.6.2013 – 31.5.2017)

Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam
Negeri Sabah



DR. MOHD GAZALI ABAS
(1.9.2015 – 31.5.2017)

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi),
Kementerian Sumber Manusia

PANEL PELABURAN



DARI KIRI KE KANAN

DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Ketua Pegawai Eksekutif - KWSP

**DATO' SRI MOHAMED NAZIR
ABDUL RAZAK**
*Pengerusi, CIMB Group Holdings Berhad
(CIMB Group)*

**DATUK NOR SHAMSIAH
MOHD YUNUS**
Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN
Pengerusi - KWSP

DATUK AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
*Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik,
Kementerian Kewangan*

ENCIK DAVID LAU NAI PEK

ROSSANA ANNIZAH AHMAD RASHID
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas,
IHH Healthcare Berhad*

PANEL PELABURAN



TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

*Pengerusi - KWSP
(sam@epf.gov.my)*

Tan Sri Samsudin Osman telah berkhidmat sebagai Pengerusi Panel Pelaburan bermula 1 Februari 2007.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Pada masa ini beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi BIMB Holdings Berhad, Pengerusi KWASA Land Sdn. Bhd., Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pengarah di Sime Darby Berhad. Beliau juga merupakan Pro Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Canselor Kolej Universiti Bestari dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Mahathir Science Award Foundation. Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Awam daripada Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.



DATUK AHMAD BADRI MOHD ZAHIR

*Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik,
Kementerian Kewangan
(AHMAD-BADRI@epf.gov.my)*

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir telah dilantik bagi tempoh satu tahun sejak 1 Mei 2014. Beliau mempunyai ijazah dalam Pengurusan Hartanah daripada Universiti Teknologi MARA dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Hull, United Kingdom.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Penilai Eksekutif Kanan di CH William Talhar & Wong Sdn. Bhd. dan Penasihat Pengarah di Asian Development Bank, Manila, Filipina.

Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah di Syarikat Danajamin Nasional Berhad, Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIAB), DanaInfra Nasional Berhad, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

PANEL PELABURAN



DATUK NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS

*Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia
(NOR-SHAMSIAH@epf.gov.my)*

Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus telah dilantik pada 1 Mac 2008.

Beliau merupakan salah seorang Timbalan Gabenor di Bank Negara Malaysia (BNM). Sebagai Timbalan Gabenor, beliau menerajui pengawal seliaan bank perdagangan (konvensional dan Islam), bank pelaburan, syarikat insurans (konvensional dan takaful) dan institusi pembangunan kewangan. Beliau juga bertanggungjawab terhadap Jabatan Penguatkuasaan dan Perisikan Kewangan, Jabatan Strategik Pembangunan Modal Insan dan menyelia fungsi-fungsi korporat dan perkhidmatan di BNM termasuk Jabatan Kewangan. Beliau adalah salah seorang Ahli Lembaga Pengarah di BNM. Beliau juga merupakan salah seorang ahli di dalam Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan di BNM. Beliau juga mewakili bank di dalam beberapa forum serantau dan antarabangsa dalam bidang penyeliaan perbankan dan anti pengubahan wang haram.

Beliau menyertai BNM pada April 1987 dan berpengalaman luas dalam pembentukan pengawalan berhemat, undang-undang, dasar, pengurusan krisis dan pelan induk untuk sektor kewangan. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan daripada University of South Australia dan merupakan seorang Akauntan Bertauliah.



DATO' SRI MOHAMED NAZIR ABDUL RAZAK

*Pengerusi, CIMB Group Holdings Berhad (CIMB Group)
(NAZIR-RAZAK@epf.gov.my)*

Dato' Sri Mohamed Nazir Abdul Razak telah dilantik pada 1 Jun 2003. Beliau adalah Pengerusi, CIMB Group Holdings Berhad (CIMB Group) dan PT Bank CIMB Niaga. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB dari 1 Jun 1999 hingga 31 Ogos 2014.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) daripada University of Bristol dan Sarjana Falsafah daripada *University of Cambridge*.

PANEL PELABURAN



ROSSANA ANNIZAH AHMAD RASHID

*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, IHH Healthcare Berhad
(rossana-annizah@epf.gov.my)*

Rossana Annizah telah dilantik sebagai Panel Pelaburan pada 1 Jun 2015 mewakili profesional. Beliau kini merupakan, seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas di IHH Healthcare Berhad, jawatan yang disandang sejak 17 April 2012.

Beliau sebelum ini pernah berkhidmat di Time Dotcom Berhad sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Maxis Communications Berhad sebagai Ketua Pegawai Kewangan. Beliau juga turut menyandang pelbagai jawatan Bukan Eksekutif termasuk di Gudang Damansara Sdn. Bhd., Kampong Kravers Sdn. Bhd., IHH Healthcare Berhad dan Parkway Pantai Limited.

Rossana Annizah berkelulusan Sarjana Muda Sastera dalam Perbankan dan Kewangan daripada *Canberra College of Advanced Education*, Australia, yang kini dikenali sebagai *University of Canberra*.



ENCIK DAVID LAU NAI PEK

(DAVID-LAU@epf.gov.my)

Encik David Lau Nai Pek telah dilantik pada 1 Jun 2009. Beliau mempunyai pengalaman profesional melebihi 35 tahun dalam bidang kewangan termasuk menerajui pelbagai organisasi kewangan di Australia, Brunei, China, Malaysia, New Zealand, Belanda dan United Kingdom. Pada Ogos 2011, beliau telah bersara daripada Shell Malaysia setelah berkhidmat dengan Kumpulan Shell selama kira-kira 30 tahun dan menyandang pelbagai jawatan.

Antara tugas utama beliau termasuklah berkhidmat sebagai Pengarah Kewangan Shell Malaysia, Pengarah Kewangan Shell China, Pengawal Global Bahagian Eksplorasi dan Pengeluaran di Royal Dutch Shell serta Timbalan Presiden Kewangan Shell International Exploration and Production B.V., Belanda.

Beliau kini merupakan Pengarah Bukan Eksekutif serta Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Axiata Group Berhad., iaitu sebuah syarikat tersenarai awam dan tiga syarikat lain yang tidak tersenarai di dalam Kumpulan Axiata di samping turut menduduki kerusi lembaga pengarah Shell Refining Company (FOM) Berhad. serta KKB Engineering Berhad.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perdagangan daripada University of Canterbury, New Zealand dan ahli Institut Akauntan Malaysia dan juga ahli Persatuan Akauntan New Zealand.

PANEL PELABURAN



DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

*Ketua Pegawai Eksekutif - KWSP
(srr@epf.gov.my)*

Datuk Shahril Ridza Ridzuan, 45, dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 16 April 2013. Beliau sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) KWSP sejak 1 Disember 2009.

Beliau berkelulusan Sarjana Sastera (Kelas Pertama) daripada Cambridge University dan Sarjana Muda Undang-Undang Sivill (Kelas Pertama) daripada Oxford University dan telah dipanggil ke Badan Peguam Malaysia dan Bar of England and Wales.

Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Pengarah Urusan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab dalam membangunkan KL Sentral sebagai salah sebuah pusat perdagangan utama di Malaysia. Kejayaannya di MRCB telah melayakkan beliau dianugerahkan Property CEO of The Year oleh Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) cawangan Malaysia pada tahun 2009. Beliau pernah berkhidmat dengan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan terlibat dalam pemulihan korporat dan penstrukturan semula kredit berikutan krisis kewangan Asia pada 1997.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Media Prima Berhad, Malaysia Building Society Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Malaysian Resources Corporation Berhad.

AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN YANG BARU DILANTIK



Dari kiri ke kanan

01 / Datuk Dr. Sundaran Annamalai

- Pelantikan baru pada 1 Julai 2015 - Ahli Lembaga wakil Kerajaan.

02 / Dr. Mohd Gazali Abas

- Pelantikan baru pada 1 September 2015 - Ahli Silih Ganti Lembaga wakil Kerajaan.

03 / Tan Sri Dr. Lim Wee Chai

- Pelantikan baru pada 1 Julai 2015 - Ahli Lembaga wakil Majikan.

04 / Encik Zainal Abidin Kassim

- Pelantikan baru pada 1 Jun 2015 - Ahli Lembaga wakil Profesional.

05 / Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid

- Pelantikan baru pada 1 Jun 2015 - Panel Pelaburan wakil Profesional.

AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN YANG MENAMATKAN PERKHIDMATAN



Dari kiri ke kanan

01 / Dato' Mat Noor Nawi

- Tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2015 - Ahli Lembaga wakil Kerajaan.

02 / Dato' Haji Romli Haji Hassan

- Tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2015 - Ahli Silih Ganti Lembaga wakil Kerajaan.

03 / Tan Sri Yong Poh Kon

- Tamat perkhidmatan pada 30 Jun 2015 - Ahli Lembaga wakil Majikan.

04 / Tan Sri Lee Lam Thye

- Tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2015 - Ahli Lembaga wakil Profesional

05 / Dato' Mohamed Azlan Hashim

- Tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2015 - Panel Pelaburan wakil Profesional.

06 / Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus

- Letak jawatan pada 29 Disember 2015 - Panel Pelaburan wakil Bank Negara Malaysia.

07 / Datuk Dr. Sundaran Annamalai

- Letak jawatan pada 16 Disember 2015 - Ahli Lembaga wakil Kerajaan.

08 / Datuk Seri Haji Saripuddin Haji Kasim

- Letak jawatan pada 16 Disember 2015 - Ahli Lembaga wakil Kerajaan.

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

JAWATANKUASA KEWANGAN & PEMBANGUNAN

- 01 / Tan Sri Samsudin Osman
(Pengerusi)
- 02 / Datuk Dr. Sundaran Annamalai
(Timbalan Pengerusi)
Silih Ganti: Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir
- 03 / Datuk Mohd Hasnol Ayub
- 04 / Puan Hadiyah Leen
- 05 / Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim
- 06 / Datuk Shahril Ridza Ridzuan
(Ex-Officio)

JAWATANKUASA STRATEGI KWSP

- 01 / Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim
(Pengerusi)
- 02 / Datuk Seri Haji Saripuddin Haji Kasim
(Timbalan Pengerusi)
Silih Ganti: Dr. Mohd Gazali Abas
- 03 / Datuk Abang Haji Karim
Tun Abang Haji Openg
- 04 / Tan Sri Dr. Lim Wee Chai
- 05 / Encik Khalid Atan
- 06 / Datuk Lok Yim Pheng
- 07 / Encik Zainal Abidin Mohd Kassim
- 08 / Datuk Shahril Ridza Ridzuan
(Ex-Officio)

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

- 01 / Datuk Thomas George
(Pengerusi)
- 02 / Datuk Dr. Sundaran Annamalai
(Timbalan Pengerusi)
Silih Ganti: Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir
- 03 / Datuk Abang Haji Abdul
Karim Tun Abang Haji Openg
- 04 / Datuk Lok Yim Pheng
- 05 / Encik Zainal Abidin Mohd Kassim

JAWATANKUASA PERJAWATAN, PELANTIKAN & PERKHIDMATAN

- 01 / Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
(Pengerusi)
- 02 / Tan Sri Sukarti Wakiman
(Timbalan Pengerusi)
Silih Ganti: Datuk Haji Nordin Siman
- 03 / Datuk Mohd Hasnol Ayub
- 04 / Puan Catherine Jikunan
- 05 / Datuk Thomas George
- 06 / Datuk Shahril Ridza Ridzuan
(Ex-Officio)

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

- 01 / Tan Sri Azman Shah Haron
(Pengerusi)
- 02 / Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad
Morshidi Abdul Ghani
(Timbalan Pengerusi)
Silih Ganti: Datu Haji Misnu Haji Taha
- 03 / Tan Sri Dr. Lim Wee Chai
- 04 / Puan Catherine Jikunan
- 05 / Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim
- 06 / Datuk Shahril Ridza Ridzuan
(Ex-Officio)

JAWATANKUASA TATATERTIB LEMBAGA

- 01 / Datuk Seri Haji Saripuddin Haji Kasim
(Pengerusi)
- 02 / Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad
Morshidi Abdul Ghani
(Timbalan Pengerusi)
Silih Ganti: Datu Haji Misnu Haji Taha
- 03 / Tan Sri Azman Shah Haron
- 04 / Puan Hadiyah Leen
- 05 / Datuk Thomas George

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB LEMBAGA

- 01 / Tan Sri Samsudin Osman
(Pengerusi)
- 02 / Tan Sri Sukarti Wakiman
(Timbalan Pengerusi)
Silih Ganti: Datuk Haji Nordin Siman
- 03 / Datuk Mohd Hasnol Ayub
- 04 / Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Abang
Haji Openg
- 05 / Encik Mohd Khalid Atan
- 06 / Datuk Lok Yim Pheng
- 07 / Tuan Haji Md Jafar Abdul Carrim

JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN

- 01 / Dato' Sri Mohamed Nazir Abdul Razak
(Pengerusi)
- 02 / Encik David Lau Nai Pek
(Timbalan Pengerusi)
- 03 / Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid
- 04 / Datuk Shahril Ridza Ridzuan
(Ex-Officio)

AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH 2015-2017



PROF. DR. MOHAMAD AKRAM LALDIN

(Pengerusi)

- Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)
- Profesor, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Shariah, Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, Bahrain
- Ahli Majlis Penasihat Shariah International Islamic Market Bahrain
- Ahli Majlis Pengawasan Shariah Labuan Financial Services Authority
- Ahli Lembaga Penasihat Shariah Yassar Limited, United Kingdom
- Ahli Penasihat Shariah Dar Al Takaful, Dubai
- Ahli Lembaga Penasihat Shariah Eco Islamic Bank, Republic of Kyrgyzstan
- Pengerusi Lembaga Shariah, Maldives Monetary Authority, Maldives
- Ahli, Financial Regulation Advisory Council of Experts (FRACE), Central Bank of Nigeria
- Ahli Jawatankuasa Kerja, Institute of Islamic Banking and Finance, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ahli Lembaga Penasihat Institut Latihan Islam Malaysia JAKIM
- Ahli Lembaga Penasihat Shariah ZICO Shariah Advisory Services Sdn. Bhd.
- Penasihat Shariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



DR. AZNAN HASAN

- Pensyarah, Jabatan Undang-Undang Islam, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Presiden Persatuan Penasihat Shariah Bagi Kewangan Islam Malaysia
- Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Lembaga Shariah, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
- Pengerusi Jawatankuasa Shariah Kumpulan Maybank
- Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Shariah FNB Bank, Afrika Selatan
- Ahli Lembaga Pengawasan Shariah ABSA Islamic Bank, Afrika Selatan
- Ahli Lembaga Penasihat Shariah Rasmala (United Kingdom)
- Ahli Lembaga Penasihat Shariah Yasaar Limited (London)
- Ahli Lembaga Shariah Khalij Islamic (London)
- Ahli Lembaga Penasihat Shariah Amanah Raya Berhad
- Ahli Lembaga Penasihat Shariah Amanahraya Investment Bank Ltd (Labuan)
- Ahli Lembaga Pengawasan Shariah dan Jawatankuasa Pelaburan, Yayasan Waqaf Malaysia
- Penasihat Lembaga Zakat Selangor
- Penasihat Shariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



DR. ZAHARUDDIN ABDUL RAHMAN

- Pensyarah, Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Ahli Jawatankuasa Shariah EXIM Bank Berhad
- Ahli Jawatankuasa Shariah ACR ReTakaful SEA, Malaysia and Bahrain
- Ahli Jawatankuasa Shariah BNP Paribas Najmah Malaysia Berhad
- Penasihat Shariah, Yasmin Holdings Group Sdn. Bhd., Malaysia
- Penasihat Shariah, Salam Capital Sdn. Bhd.
- Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis, Malaysia
- Ahli Kesatuan Ulama Muslimin Antarabangsa
- Presiden Multaqa Asatizah & Du'at Malaysia (MURSHID)
- Ahli Persatuan Penasihat Shariah bagi Kewangan Islam Malaysia
- Felo Muamalat & Dakwah, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Penasihat Shariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

KADAR CARUMAN




Tahun	PEKERJA	MAJIKAN	JUMLAH
1952 - Jun 1975	5%	5%	10%
Julai 1975 - November 1980	6%	7%	13%
Disember 1980 - Disember 1992	9%	11%	20%
Januari 1993 - Disember 1995	10%	12%	22%
Januari 1996 - Mac 2001	11%	12%	23%
April 2001 - Mac 2002	9%	12%	21%
April 2002 - Mei 2003	11%	12%	23%
Jun 2003 - Mei 2004	9%	12%	21%
Jun 2004 - Mei 2005	11%	12%	23%
Jun 2005 - Disember 2008	11%	12%	23%
Januari 2009 - Disember 2010	8%	12%	20%
Januari 2011 - Disember 2011	11%	12%	23%
Januari 2012 - Hingga Sekarang	11%	13%	24%
Pendapatan RM5,000 dan kurang	11%	12%	23%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%

PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN UMUR DAN JANTINA

Setakat 31 Disember 2015

Jumlah Ahli

6,794,604



Jumlah Simpanan

RM481,021,813,484.36

Kumpulan Umur

85

Kumpulan Umur (Tahun)	Bilangan Lelaki	Bilangan Perempuan	Jumlah Ahli	Jumlah Ahli (%)	Kumulatif (%)	Jumlah Simpanan (RM)	Jumlah Simpanan (%)	Kumulatif (%)
<16	530	303	833	0.01	0.01	816,346.87	0.00	0.00
16-25	891,966	767,442	1,659,408	24.42	24.43	13,166,465,513.52	2.74	2.74
26-30	698,278	632,760	1,331,038	19.59	44.02	39,386,970,085.93	8.19	10.93
31-35	544,210	440,350	984,560	14.49	58.51	59,167,481,457.97	12.30	23.23
36-40	441,502	345,109	786,611	11.58	70.09	75,917,093,553.30	15.78	39.01
41-45	381,417	280,996	662,413	9.75	79.84	88,275,577,745.79	18.35	57.36
46-50	327,642	223,693	551,335	8.11	87.96	87,656,081,114.84	18.22	75.58
51-55	262,067	168,862	430,929	6.34	94.30	71,673,460,659.41	14.90	90.48
56-60	154,670	85,639	240,309	3.54	97.83	27,732,329,565.88	5.77	96.25
61-65	68,722	31,010	99,732	1.47	99.30	11,617,236,164.74	2.42	98.66
66-70	26,698	9,638	36,336	0.53	99.84	4,679,105,046.88	0.97	99.64
71-75	7,550	2,169	9,719	0.14	99.98	1,542,641,215.51	0.32	99.96
76-80	1,058	205	1,263	0.02	100.00	186,062,055.31	0.04	100.00
81-85	73	14	87	0.00	100.00	14,514,977.03	0.00	100.00
>85	23	8	31	0.00	100.00	5,977,981.38	0.00	100.00
Jumlah Besar	3,806,406	2,988,198	6,794,604	100.00		481,021,813,484.36	100.00	